keperluan di dalamnya dan membuat semua pemeriksaan yang diperlukan untuk memastikan semua faktor, pertanyaan dan soalan yang mungkin menjejaskan cadangan Petender.

(ii) Petender mesti memastikan bahawa cadangan itu secara spesifik dan mematuhi setiap syarat, pernyataan keperluan dan pertanyaan yang dibangkitkan dalam dokumen RFP secara jelas dan tepat. Semua manual, dokumentasi atau brosur sokongan mesti dilampirkan dalam Cadangan. Kegagalan mematuhi keperluan ini boleh menyebabkan penolakan kepada dokumen cadangan.

(iii) Petender mesti memastikan bahawa fakta dan maklumat yang dibentangkan dalam cadangan adalah betul pada masa ia dibentangkan. Kegagalan untuk mematuhi keperluan ini akan menyebabkan kehilangan kelayakan Petender.

17.0 TAKLIMAT / PITCHING

17.1 Petender yang disenarai pendek perlu melaksanakan satu (1) sesi taklimat / demonstrasi berkaitan cadangan tawaran pembangunan Sistem Perakaunan, Kewangan dan Hasil SAGA Bersepadu MBSJ ini beserta dengan prototaip sistem dalam tempoh satu (1) minggu selepas penerimaan surat makluman daripada MBSJ. Petender yang telah disenarai pendek juga dikehendaki untuk mengatur satu (1) lawatan sambil belajar (pembuktian) di agensi yang telah menggunapakai sistem yang dicadangkan bersama-sama Jabatan Perbendaharaan dan jabatan-jabatan dalaman yang berkaitan.

17.2 Petender mesti memastikan bahawa fakta dan maklumat yang dibentangkan dalam cadangan adalah betul pada masa ia dibentangkan. Kegagalan untuk mematuhi keperluan ini akan menyebabkan kehilangan kelayakan Petender.

17.3 Tidak ada sebarang pertukaran (selain dari mengisi tempat kosong yang di kehendaki) boleh dibuat di mana - mana dokumen disertakan.

17.4 Jika ada catatan tambahan hendaklah dibuat berasingan dengan ringkas untuk merujuk ke mana-mana butiran dalam dokumen.

17.5 MBSJ berhak **MENOLAK** dan **MENGGUGURKAN** mana-mana Tender yang didapati:

a) Menggunakan dokumen Tender selain daripada yang disahkan oleh MBSJ

b) Tulisan atau angka-angka yang mengelirukan.

c) Sukar dibaca dan difahami.

d) Tidak mengikut atau melanggar **SYARAT-SYARAT TENDER RFP**.

e) Maklumat atau jumlah wang ringgit yang dipertikaikan.

f) Tidak menulis nama, alamat dan maklumat Petender.

g) Tulisan menggunakan pensel.

h) Pengiraan jumlah yang salah.

i) Tidak menepati spesifikasi yang diperlukan.

17.6 **Cecair pemadam tidak dibenarkan untuk membuat perubahan pada dokumen tender**. Sebarang perubahan tersebut hendaklah dibuat dengan memotong yang asal dan menulis yang baru di atasnya dan tandatangan ringkas pembetulan tersebut.

17.7 Pembida hendaklah membaca dan memahami keseluruhan arahan-arahan di dalam bidang kerja kontrak sebelum mengisi kadar harga.

17.8 Alamat yang ditulis perlulah alamat daftar atau telah diubah dan pihak pendaftar telah diberitahu berkenaannya.

17.9 Surat-menyurat selepas tarikh tutup tender tidak akan dilayan. Maklumat yang diperolehi **secara tidak rasmi** iaitu tanpa permohonan bertulis kepada MBSJ tidak boleh dijadikan sebagai bahan sokongan bagi tawaran yang dikemukakan.